

Oleh: Wan Ahmad Fauzi Wan Husain



KERAJAAN PERPADUAN

TERBENTUK MELALUI PREROGATIF DIRAJA

Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU-15) yang dilangsungkan pada 19 November 2022 berkesudahan dengan keputusan tiada sebuah parti mahupun sebuah gabungan parti yang memperoleh sejumlah kerusi Dewan Rakyat melebihi angka 112, iaitu majoriti mudah daripada keseluruhan bilangan kerusi yang dipertandingkan.

Dilaporkan juga bahawa Tan Sri Abdul Ghani Salleh, Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menyembah maklum kepada KDYMM Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah Ibnu Almarhum Sultan Haji Ahmad Shah Al-Musta'in Billah bahawa tiada parti politik yang berjaya untuk membentuk kerajaan baharu.

Susulan dengan itu, Istana Negara pada 20 November, 2022 mengeluarkan kenyataan media dengan menahkakan titah Seri Paduka Baginda kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat, Tan Sri Azhar Azizan Harun untuk memohon kepada ketua parti politik dan ketua gabungan parti politik yang mempunyai jumlah kerusi yang paling banyak untuk memaklumkan kepada pihak Istana Negara tentang gabungan baharu parti politik yang dipersetujui antara parti politik dan gabungan parti politik bagi pembentukan kerajaan pascaPRU-15.

Ketua parti politik dan ketua gabungan parti politik berkenaan juga diminta untuk memaklumkan kepada Yang di-Pertua Dewan Rakyat menerusi gabungan parti politik yang dipersetujui masing-masing serta mengemukakan nama seorang ahli Dewan Rakyat yang mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat melalui gabungan baharu parti politik untuk menjadi calon Perdana Menteri Malaysia kepada Istana Negara sebelum jam 2.00 petang, pada hari Isnin, 21 November 2022.

Keesokannya, Istana Negara memaklumkan perkenan Seri Paduka Baginda supaya proses pencalonan Perdana Menteri Malaysia ke-10 dilanjutkan sehingga 22 November 2022 susulan permohonan daripada ketua parti politik dan gabungan parti politik. Pada masa yang sama, Seri Paduka Baginda turut mengingatkan bahawa pentadbiran negara masih berjalan seperti biasa

di bawah pengurusan Perdana Menteri Semantara.

Proses pelantikan Perdana Menteri berlanjutan dengan majlis menghadap beberapa orang ketua pemimpin parti politik di Istana Negara kerana masih belum tampak permuafakatan jelas untuk membentuk sebuah kerajaan perpaduan yang dihasratkan oleh Seri Paduka Baginda. Pada masa yang sama, Perikatan Nasional mendakwa bahawa partinya telah mengemukakan bukti jumlah sokongan melebihi 112 ahli Dewan Rakyat. Namun begitu, dakwaan tersebut tidak dapat dibuktikan mengikut tatacara yang ditetapkan oleh Seri Paduka Baginda.

Kerajaan Perpaduan merupakan tema bagi Kerajaan Yang di-Pertuan Agong Malaysia pascaPRU-15 kerana tiada parti atau gabungan parti tunggal yang memperoleh kerusi majoriti mudah, yang memerlukan gabungan baharu dibentuk untuk menubuhkan sebuah Kerajaan Persekutuan yang stabil, berwibawa dan berintegriti untuk menjaga kemaslahatan rakyat dan memacu agenda kesejahteraan negara yang berteraskan keluhuran Perlembagaan Persekutuan dan kedaulatan undang-undang melalui kerjasama erat antara blok kerajaan dengan blok pembangkang umpama "biduk berlalu, kiambang bertaut" agar Malaysia dirahmati serta dilindungi daripada sebarang bentuk bencana dan musibah. Prinsip Kerajaan Perpaduan tersebut terangkum dalam himpunan titah Seri Paduka Baginda termasuklah kenyataan media Istana Negara.

Hanya pada lebih kurang waktu tengah hari 24 November, 2022 Seri Paduka Baginda memuktamadkan pelantikan Dato' Seri Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri ke-10. Setelah mengadakan rundingan bersama Majlis Raja-Raja Melayu pada hari yang sama, maka pada sebelah petangnya Istiadat Pengurniaan Suratcara Pelantikan, Mengangkat Sumpah Jawatan dan Setia, dan Sumpah Simpan Rahsia Perdana Menteri disempurnakan.

Kronologi peristiwa di atas menunjukkan Seri Paduka Baginda melaksanakan budi bicara yang diperuntukkan menurut Perkara 43(2)(a) dan 40(2)(a) dalam pelantikan Perdana Menteri berlandaskan prerogatif Diraja. Prerogatif Diraja ialah kuasa keistimewaan yang tersimpan pada diri baginda sebagai pemerintah tertinggi Persekutuan selagi tidak dibatasi oleh peruntukan nyata Perlembagaan Persekutuan. Prerogatif Diraja dapat menentukan kaedah dan tatacara untuk Seri Paduka Baginda menyempurnakan Perkara 43(2)(a)

terpelihara kerana Perlembagaan Persekutuan diinstitusikan oleh kedaulatan Raja-Raja Melayu yang kekal berdaulat mengikut Perkara 181(1) serta kedudukan Yang di-Pertuan Agong seperti diberikan oleh Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957.

Perkara 43(2)(a) memperuntukkan Yang di-Pertuan Agong berkuasa melantik seorang Perdana Menteri untuk mempengerusikan Jemaah Menteri dalam kalangan ahli Dewan Rakyat yang pada hemat baginda mendapat kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat. Kuasa tersebut terjumlah dalam budi bicara Yang di-Pertuan Agong menurut Perkara 40(2)(a) dan boleh dilaksanakan dalam keadaan sama ada wujud parti mahupun gabungan politiknya yang memenangi pilihan raya umum secara majoriti atau ketika tiada pihak yang melepasi jumlah kerusi majoriti mudah. Lantaran tidak mungkin berlaku keadaan parlimen tergantung kerana Seri Paduka Baginda berkuasa untuk melantik Perdana Menteri pada hemat baginda seorang ahli dewan Rakyat yang mungkin mendapat kepercayaan majoriti, bukannya disyaratkan ternyata mendapat sokongan majoriti ahli Dewan Rakyat. Ringkasnya, isu tiada parti atau gabungan politik yang berjaya mendapat majoriti mudah dalam PRU-15 tidak menyebabkan Parlimen tergantung seperti dakwaan banyak pihak kerana dengan adanya prerogatif Diraja.

Perlembagaan menetapkan sebarang cabaran kepada kewibawaan Perdana Menteri sama ada beliau mempunyai kepercayaan majoriti ahli Dewan Rakyat boleh diuji selepas pelantikannya. Kepercayaan itu boleh dibuktikan sama ada melalui proses undi percaya di Parlimen, jumlah sokongan akan bersumpah (SD) atau kaedah lain yang boleh memuaskan hati Yang di-Pertuan Agong, atau jika tiada usul tidak percaya dikemukakan oleh ahli Dewan Rakyat kepada Perdana Menteri. Ada pihak yang tersasar apabila mendakwa sistem demokrasi di Malaysia merupakan warisan dan identiti dengan demokrasi *Westminster*. Demokrasi di Malaysia hanya berlaku setakat yang diizinkan oleh Perlembagaan Persekutuan. Pada hakikatnya, demokrasi itu bermaksud kedaulatan rakyat, atau dalam maksud lain kuasa tertinggi negara yang terletak kepada rakyat yang diterjemahkan melalui sistem berparlimen. Berbeza daripada sistem Parlimen *Westminster*, kedaulatan dalam sistem perlembagaan di Malaysia terletak kepada Raja-Raja Melayu yang menginstitusikan Perlembagaan Persekutuan dalam bentuk bertulis berlandaskan struktur asas Negeri Melayu

yang merdeka. Parlimen Malaysia tidak mutlak untuk menggubal undang-undang kerana terdapat sekatan yang memerlukan persetujuan Majlis Raja-Raja serta dalam keadaan tertentu pula persetujuan Yang di-Pertua Negeri bagi Sabah dan Sarawak. Oleh hal yang demikian, perkataan demokrasi tidak disebut dalam Perlembagaan Persekutuan dan Undang-undang Tubuh Kerajaan Negeri.

Parlimen Malaysia juga diikat dengan prinsip keluhuran perlembagaan yang mewarisi aspek watan tanah air yang diwakili oleh sistem beraja Melayu, Islam sebagai agama Persekutuan, Islam sebagai agama Negeri (kecuali Sarawak), bahasa Melayu, kedudukan istimewa orang Melayu, kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak serta beberapa ciri khas lain. Terdapat juga jaminan buat kebebasan asasi dan kepentingan sah kaum lain sebagai warganegara Persekutuan Malaysia.

Di samping itu, diperuntukkan Perkara 39 Perlembagaan yang menetapkan bahawa kuasa eksekutif Persekutuan terletak pada hak Yang di-Pertuan Agong dan tertakluk pada peruntukan Undang-undang Persekutuan, bolehlah dijalankan oleh Jemaah Menteri atau menteri yang diberikan kuasa oleh Jemaah Menteri atau pihak lain. Peruntukan tersebut menunjukkan bahawa peranan Yang di-Pertuan Agong untuk melantik Perdana Menteri dan Jemaah Menteri tidaklah hanya bersifat istiadat tetapi menyentuh hak kuasa eksekutif Persekutuan yang diamanahkan di atas bahu baginda. Lantaran budi bicara Yang di-Pertuan Agong dalam pemilihan Perdana Menteri hendaklah sentiasa dihormati kerana baginda juga berhak untuk memastikan kewibawaan calon untuk menjalankan fungsi kuasa baginda selaras dengan kehendak perlembagaan.



Dalam keadaan yang berlaku baru-baru ini sebelum pelantikan Perdana Menteri ke-10, Baginda boleh mengulangi konvensyen yang pernah berlaku ketika Tan Sri Muhyiddin Yassin atau Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob dilantik oleh baginda, atau kaedah lain yang difikirkan wajar mengikut kebijaksanaan dan keperluan semasa. Dengan kata lain, Yang di-Pertuan Agong tidak terikat secara mutlak untuk hanya melantik pengerusi gabungan, presiden parti atau "poster boy" sebagai Perdana Menteri.

Undang-undang Anti Lompat Parti yang diluluskan melalui pindaan perlembagaan baru-baru ini, khususnya Perkara 49A tidak menghalang seorang ahli Dewan Rakyat menyatakan sokongan kepada mana-mana ahli Dewan Rakyat sebagai calon Perdana Menteri walaupun daripada gabungan parti yang berbeza. Sokongan tersebut boleh diberikan tanpa perlu keluar parti kerana keanggotaan seorang ahli Parlimen tidak terjejas melainkan jika dia meninggalkan atau melepaskan keahlian partinya sahaja. Begitulah kaedah untuk menyampaikan sokongan hendaklah tertakluk kepada titah Seri Paduka Baginda. Pada sisi lain, kerjasama merentasi gabungan politik asal pra-PRU-15 boleh juga berlaku selepas Perdana Menteri dilantik oleh Yang di-Pertuan Agong. Hal ini bermakna, Perdana Menteri boleh mewujudkan Kerajaan Perpaduan seperti yang dihasratkan oleh Seri Paduka Baginda.

Malaysia memerlukan kestabilan politik untuk mengharungi cabaran ekonomi yang lebih mencabar pada tahun mendatang. Sekiranya berulung kejatuhan Jemaah Menteri kerajaan akibat undi tidak percaya, maka penyelesaian terakhir ialah melalui pembubaran semula Parlimen untuk mengadakan PRU baharu.

Seorang ahli Parlimen tidak lagi hanya mewakili partinya. Beliau dikehendaki melafazkan sumpah kesetiaan seperti termaktub dalam Jadual Keenam, iaitu menumpahkan taat setia yang sebenar kepada Malaysia, serta memelihara, melindungi dan mempertahankan Perlembagaan Persekutuan, bukannya perlembagaan parti masing-masing. Inilah keunikan sistem politik Malaysia yang menjunjung kedaulatan Raja-Raja Melayu dan keluhuran perlembagaan di samping menerima amalan demokrasi berperlembagaan.

Profesor Madya Datuk Dr. Wan Ahmad Fauzi Wan Husain, Pengasas Jurisprudens Watan, Universiti Malaysia Pahang.